

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

INV.C. 17/1/01.....

H/C

**ADAPTASI NOVEL KE FILEM : ANALISIS PERBANDINGAN  
ANTARA FILEM MELAYU DAN FILEM BARAT**

HIZAIRI OTHMAN  
AAD 9613

**DISERTASI UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN IJAZAH SARJANA SASTERA  
JABATAN PENGAJIAN MEDIA  
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
SESI 1999/2000**

Perpustakaan Universiti Malaya



A510031146

UNIVERSITI MALAYA

JABATAN PENGAJIAN MEDIA

**ADAPTASI NOVEL KE FILEM : ANALISIS PERBANDINGAN  
ANTARA FILEM MELAYU DAN FILEM BARAT**

Oleh

HIZAIRI OTHMAN

Disertasi ini telah diterima oleh Jabatan Pengajian Media untuk memenuhi  
keperluan Ijazah Sarjana Sastera pada sesi 1999/2000

---

Penyelia

---

Tarikh

---

Ketua  
Jabatan Pengajian Media

---

Tarikh

**Saya akui kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali petikan-petikan dan ringkasan-ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.**

.....

**Tarikh**

.....

**Hizairi Othman**

*A writer's job is to tell the truth. His standard of fidelity to the truth must be so high that his invention out of his experience should produce a truer account than anything factual can be.*

**- ERNEST HEMINGWAY**

*Movies can transport you to another place in time. And that's magic. They take you away to another world. It's like a dream state.*

**- MARTIN SCORSESE**

## PENGHARGAAN

PERTAMANYA, dipanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, menerusi akal cergas, tubuh sihat, dan iltizam kuat yang dianugerahkanNya, akhirnya dapat juga diselesaikan disertasi yang mencabar ini.

Sekalung penghargaan dan segugus ingatan untuk Allahyarham Prof. Madya Hj. Abdullah Tahir selaku penyelia pertama yang telah memberi bimbingan awal kepada penghasilan disertasi ini. Semoga Allah s.w.t. mencucuri rahmat ke atas rohnya. Dan tentu sahaja, sehamparan terima kasih yang tidak terucap untuk penyelia disertasi ini, Prof. Madya Amida @ Hamidah Abdulhamid yang telah memberi pandangan dan tunjuk ajar dalam menjadikan disertasi ini lebih mapan dan berautoriti.

Selaut penghargaan juga untuk Ayahanda, Prof. Madya Dr. Hj. Othman Puteh dan Bonda, Timah Baba yang sentiasa memberi sokongan, tidak sahaja dalam kemajuan pengkaji dalam bidang akademik, tetapi juga dalam menjadi pemerhati terhadap tanggungjawab pengkaji sebagai penulis. Buat Ayahanda, terima kasih untuk persekitaran cinta ilmu, terutamanya dengan menyediakan perpustakaan di rumah yang lengkap dengan bahan bacaan dalam bidang kesusastraan dan penulisan kreatif, juga sesekali, untuk bual-bincang santai tetapi berisi. Terima kasih juga untuk sejumlah buku filem yang tolong dicaribekalkan ketika mengikuti *Iowa Writing Program (IWP)* pada musim luruh 1996 di Universiti Iowa, Iowa, Amerika Syarikat. Lebih jauh lagi, ditunjukkan bahawa kepimpinan harus bertolak daripada teladan, dan untuk itu pengkaji berasa bersyukur kerana mempunyai ahli akademik yang baik dan penulis yang berwibawa di bawah bumbung sendiri untuk dicontohi. Buat Bonda pula, terima kasih untuk kepercayaan walaupun barangkali gusar akan minat pengkaji terhadap filem, juga untuk ingatan dan nasihat yang tidak pernah jemu agar ilmu sentiasa digandingkan dengan agama dalam usaha mencari bahagia di dunia dan di akhirat.

Pengkaji juga ingin merakamkan rasa terima kasih kepada Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya khususnya kepada Ketua Jabatan, Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Latif Abu Bakar atas galakan terhadap judul disertasi yang sangat jarang mendapat perhatian pengkaji lain sebelum ini. Begitu juga, terima kasih untuk beberapa pensyarah lain yang pernah atau sempat memberikan pandangan mereka.

Tidak lupa beberapa pensyarah di Universiti Putra Malaysia, seperti Prof. Dr. Amat Juhari Moain, Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Prof. Dr. Abdul Hamid Mahmood (bekas Ketua Jabatan Bahasa Melayu) dan Tuan Hj. Mohd. Amin Arshad, Ketua Jabatan Bahasa Melayu yang sentiasa menyokong perkembangan pengkaji, juga beberapa pensyarah, terutama yang terlibat dengan projek lawatan sambil

belajar ke Australia (1996) dan Eropah (1997) di mana kembara ilmu ini sedikit sebanyak telah menokok pengetahuan dan pengalaman kepada pengkaji, selain memberi peluang untuk menambah bahan rujukan bagi disertasi.

Pengkaji juga ingin merakamkan penghargaan kepada budi baik beberapa editor di majalah tertentu iaitu Pn. Ratnawati Jamil (Editor *Massa*) untuk kepercayaannya kepada pengkaji terus menjadi penyumbang untuk ruangan filem sejak daripada majalah *Mastika* pada 1994 hingga kini, di majalah *Massa*. Ternyata tugas sebagai wartawan dahulu dan kini sebagai wartawan sambilan banyak membantu, terutama dalam melatih pengkaji melihat filem secara ‘berbeza’, selain menjadikan pengkaji sentiasa mengikuti perkembangan filem terkini. Terima kasih juga untuk Pn. Siti Zaleha Mohd. Hashim (bekas editor *Dewan Sastera*) yang memberikan ruang untuk pengkaji membincangkan isu adaptasi ini dalam salah satu keluaran majalahnya pada 1997 iaitu “*The English Patient : Bukti Harmoni Sastera dan Filem*” yang kemudiannya telah memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia 1996/97 (kategori eseи/kritikan eceran), Sdr. Padilah Ali (Editor *Dewan Budaya*) yang turut memberikan ruang kepada pengkaji untuk memuatkan dua tulisannya tentang isu adaptasi pada 1997, dan salah satu daripadanya iaitu “Filem Berbudaya : Jalan Masih Jauh” telah memenangi tempat kedua Trofi Samad Idris anjuran FINAS, dan tidak lupa juga Sdr. Rozninah Abd. Azib (Editor *Dewan Sastera*) dan warga kerja *Dewan Sastera* yang sentiasa memberi sokongan kepada perjuangan penulis generasi baru.

Tidak ketinggalan, terima kasih kepada beberapa pensyarah filem dan pengkritik filem apabila ilmu, tulisan dan pemikiran mereka masih dan sering menginspirasikan - Prof. Madya Dr. Anuar Nor Arai untuk kuliah filemnya ketika pengkaji di Universiti Malaya dahulu, Datuk Johan Jaafar untuk tulisannya yang selalu provokatif dan simpati kepada survival filem Melayu, Sdr. Hisyamuddin Rais untuk personaliti yang unik dan ideanya yang jujur, tidak lupa Sdr. A. Wahab Hamzah dan Sdr. Ku Seman Ku Hussein untuk tulisan mereka yang selalu menggigit, sekaligus melatih pengkaji bersikap kritis.

Disertasi ini juga tidak akan menjadi kenyataan andainya tidak mendapat bantuan daripada sesama kawan penulis, kawan wartawan dan kawan dalam bidang akademik yang telah meminjamkan buku dan lakon layar, mencarikan rujukan atau bertukar pandangan seperti Sdr. Lily Haslina Nasir, Sdr. Amir Muhammad, Sdr. Zaiton Abu Samah, Sdr. Bissme S, Sdr. Faisal Tehrani, Sdr. Mawar Shafie, Sdr. Rosie Haslinda Nasir, Sdr. Mohd. Hafezin Khadiri, Sdr. Mohd. Zariat Abd. Rani dan Sdr. Zaleha Ahmat. Tidak lupa juga kawan-kawan lama yang memahami minat dan obsesi pengkaji terhadap seni, terutama sastera dan filem, Sdr. Abdul Hamid Adom dan Sdr. Ahmad Rohi Ghazali di Liverpool dan di Birmingham, England yang sentiasa bersedia mencarikan buku-buku di sana untuk kegunaan pengkaji.

Terima kasih juga buat beberapa warga filem seperti Pak Ahmad Mahmod yang sudi meminjamkan lakon layar filem tertentu yang menjadi koleksi berharganya, juga Sdr. U-Wei Hj. Shaari, Pak Jamil Sulong dan Dato' Jins Shamsudin yang sudi meluangkan masa berharga untuk diwawancara. Begitu juga beberapa warga sastera yang turut tidak keberatan diwawancara termasuklah SN Prof. Emeritus Dato' Shahnon Ahmad, SN Dato' A. Samad Said, SN Dato' Abdullah Hussain, Prof. Madya Dr. S. Othman Kelantan, Pn. Khadijah Hashim dan YM Pn. Raja Azmi Raja Sulaiman.

Kepada kawan-kawan serumah, YM Raja Hassan YM Raja Mansor, Sdr. Abdul Majeed K. Kunheen dan Sdr. Askandar Kosnin, terima kasih kerana sesekali menghibur, sesekali membantu, dan lebih penting lagi memahami, apabila persekitaran rumah kadang kala terpaksa dipercik dengan atmosfera ‘menekan’ kesan tiga tanggungjawab yang perlu dipikul serentak oleh pengkaji iaitu sebagai penulis, wartawan sambilan dan siswazah sepanjang mengerjakan disertasi ini. Kepada kawan-kawan lain yang memberi dorongan dan rangsangan secara langsung dan tidak langsung, turut diutus rasa terhutang.

Sekalung budi juga untuk FINAS yang memberi sokongan menerusi Skim Bantuan Insentif dan kemudahan merujuk di perpustakaan FINAS. Terima kasih peribadi disemat untuk Pak Hamzah Hussin, bekas pegawai perhubungan Cathay-Keris dahulu yang kini bertugas sebagai ketua perunding skrip FINAS. Melalui beliau, dapat pengkaji kenali filem Melayu ketika era awalnya.

Akhirnya, moga-moga disertasi ini dapat menyumbangkan setitik daripada selautan khazanah ilmu, terutamanya dalam memperbanyakkan bahan bacaan yang serius dalam bidang kesusasteraan-perfileman, khususnya yang menyentuh tentang isu adaptasi.

**Hizairi Othman  
Jabatan Pengajian Media  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur**

**31 JULAI 1998**

---

**8-17-8, Endah Villa Condominium  
Jalan 2/149B, Sri Petaling  
57000 Kuala Lumpur**

**7 RABIULAKHIR 1419**

## KANDUNGAN

## HALAMAN

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI SINGKATAN	ix
PENDAHULUAN	x

## BAB I : ANALISIS DEFINISI DAN KONSEP ADAPTASI

1.1 Pengenalan	1
1.2 Beberapa Definisi Adaptasi	12
1.3 Teknik Adaptasi	21
1.4 Polemik Adaptasi	26
1.5 <i>Novelization</i>	33
1.6 Kesimpulan	36

## BAB II : ANALISIS SEJARAH ADAPTASI NOVEL KE FILEM DI MALAYSIA DAN DI AMERIKA SYARIKAT

### 2.1 Konteks Malaysia

2.1.1 Pengenalan	44
2.1.2 Filem-filem Adaptasi Melayu	48

### 2.2 Konteks Amerika Syarikat

2.2.1 Pengenalan	99
2.2.2 Filem-filem Adaptasi Amerika Syarikat	104

2.3 Kesimpulan	122
----------------	-----

### **BAB III : ANALISIS PRINSIP ADAPTASI NOVEL KE FILEM**

3.1	Pengenalan	135
3.2	Prinsip-prinsip Adaptasi	146
1.	Kesesuaian Diadaptasi	146
2.	Pemadatan	149
3.	Penyemakan Semula Kontinuiti	152
4.	Unsur Keselarian	154
5.	Watak Utama	156
6.	Urutan Aksi	157
7.	Latar	159
8.	Dialog	160
9.	Unsur-unsur Seram, Ganas dan Seks ( <i>VHS</i> )	162
10.	Citarasa	163
11.	Isu Sejagat	165
3.3	Kualiti Pengadaptasi	167
3.4	Kesimpulan	176

### **BAB IV : ANALISIS ADAPTASI NOVEL KE FILEM :**

***JUARA/JOGHO (MALAYSIA) DAN THE ENGLISH PATIENT  
(AMERIKA SYARIKAT)***

#### **4.1 *Juara/Jogho* (Konteks Malaysia)**

4.1.1	Pengenalan	181
4.1.2	Profil	182
4.1.3	Sinopsis	185
4.1.2	<i>Juara</i> Sebagai Novel	187
4.1.3	<i>Juara</i> Sebagai Lakon Layar	199
4.1.4	<i>Juara/Jogho</i> Sebagai Filem	210

#### **4.2 *The English Patient* (Konteks Amerika Syarikat)**

4.2.1	Pengenalan	223
4.2.2	Profil	223
4.2.3	Sinopsis	228
4.2.4	<i>The English Patient</i> Sebagai Novel	230
4.2.5	<i>The English Patient</i> Sebagai Lakon Layar	234

4.2.4 <i>The English Patient</i> Sebagai Filem	243
4.3 Kesimpulan	253

## **BAB V : PENEMUAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan	261
5.2 Beberapa Penemuan	262
5.2.1 Novelis Sebagai Penulis Lakon Layar	265
5.2.2 Kesedaran Filem Sebagai Budaya Ilmu	268
5.2.3 Polisi dan Sokongan Kerajaan	276
5.2.4 Organisasi dan Pengurusan	277
5.2.5 Peranan Media Massa dan Pawagam Alternatif	279
5.3 Kesimpulan	283

## **LAMPIRAN**

I Senarai Filem Melayu Yang Diadaptasi Daripada Novel Melayu (1930-an - 1990-an)	294
II Senarai Filem Melayu Terbaik (dan Filem Melayu Adaptasi Daripada Novel Melayu) Di Festival Filem Malaysia (1980-1997)	296
III Senarai Pencapaian Filem Melayu (dan Filem Melayu Adaptasi Daripada Novel Melayu) Di Festival Filem Asia Pasifik (1956-1998)	298
IV Senarai Filem Terbaik Anugerah <i>Academy</i> Yang Diadaptasi Daripada Novel (1930-an - 1990-an)	302
V Senarai Filem Amerika Syarikat Yang Diadaptasi Daripada Novel (1990-1998)	304
VII Foto-foto Juara/ <i>The English Patient</i>	316

<b>BIBLIOGRAFI</b>	320
--------------------	-----

<b>INDEKS NAMA</b>	339
--------------------	-----

<b>INDEKS PERKARA</b>	343
-----------------------	-----

## **ABSTRAK**

KAJIAN ini berpasakkan analisis daripada beberapa perspektif berbeza tentang isu adaptasi novel ke filem, khususnya terhadap konsep, sejarah, prinsip adaptasi dan kajian kes. Tujuan utama kajian ini untuk meninjau selidik dan memberi kefahaman tentang isu-isu adaptasi. Analisis dibuat dengan mengambil dua negara berbeza sebagai perbandingan, iaitu Malaysia dan Amerika Syarikat, dengan motif menelusuri permasalahan dan senario adaptasi di kedua-dua buah negara. Malaysia mewakili ‘fasa membangun’ sementara Amerika Syarikat mewakili ‘fasa maju’ bagi fenomena adaptasi. Dua novel, dua lakon layar dan dua filem dari kedua-dua negara telah dipilih untuk kajian ini. Dari Malaysia ialah novel *Juara* (1976) oleh S. Othman Kelantan (atau terjemahannya *The Champion* (1994) oleh Normah Mohd. Noor) yang diadaptasi ke filem dengan judul *Jogho* (1997) oleh U-Wei Hj. Shaari yang turut menulis lakon layarnya. Sementara dari Amerika Syarikat ialah novel *The English Patient* (1992) oleh Michael Ondaatje yang ditulis lakon layarnya dan diarahkan ke filem oleh Anthony Minghella dengan judul yang sama pada tahun 1996. Kedua-dua filem tersebut pula ialah contoh-contoh terkini di kedua-dua negara bagi fenomena adaptasi novel ke filem (sehingga kajian ini dibuat), dan kedua-duanya telah memenangi pelbagai anugerah. Dapatkan daripada kajian ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa masalah atau atribut dalam konteks Malaysia. Sementara dalam konteks Amerika Syarikat, terdapat beberapa contoh yang baik yang boleh dipelajari dan ditingkatkan demi perkembangan yang lebih positif dalam industri sastera dan industri filem Malaysia. Seterusnya, kajian ini juga berusaha menunjukkan bahawa sastera dan filem adalah dua medium seni berbeza, tetapi dalam masa yang sama mempunyai persamaan. Novel yang baik akan menghasilkan filem yang berkualiti sekiranya diadaptasi dengan betul, dan ini akan menyegerakan kemampuan apresiasi tinggi masyarakat umum terhadap karya sastera serius dan filem nasional.

## **ABSTRACT**

*THIS study is based on an analysis from selected different perspectives, with specifications on the concept, history, principles and case studies issues pertaining to novels into film adaptation. The main purpose of this study is to investigate and gain more understanding on the issues of adaptation. The analysis is done by choosing two different countries, Malaysia and the United States, in order to monitor both countries adaptation scenarios and problems. Malaysia representing 'the developing phase', while the United States representing 'the developed phase' for the adaptation phenomena. Two novels, screenplays and films from both countries are selected for this study. Malaysia is represented by a novel called *Juara* (1976) written by S. Othman Kelantan (or *The Champion* (1994) translated by Normah Mohd. Noor), while the screenplay and film called *Jogho* (1997), written and directed by U-Wei Hj. Shaari. The United States is represented by *The English Patient* (1992) by Michael Ondaatje, where the screenplay and the film stick to the original title, *The English Patient* (1996), written and directed by Anthony Minghella. Both films are the latest examples for both countries (until this study is done), and both have won numerous awards. The result of this study suggests that there are indeed certain problems or attributes in the Malaysian context. There are some interesting and good examples that can be improved and learnt from the United States film productions in order to see more positive progress in Malaysian literature and the film industry. Finally, this study also indicates that literature and film are two different art mediums, and at the same time have some similarities. There is no doubt that with a proper adaptation process, a good novel can be adapted into an excellent quality film. Hopefully, this would enhance the progress of high appreciation of serious literature and serious national films among Malaysians.*

## SENARAI SINGKATAN

<i>AFC</i>	Perbadanan Filem Australia
<i>AFDC</i>	Perbadanan Kemajuan Filem Australia
<i>AFI</i>	<i>American Film Institute</i>
<i>AFM</i>	Akademi Filem Malaysia
<i>AMPAS</i>	<i>International Academy of Motion Picture Arts and Sciences</i>
<i>ASAS 50</i>	Angkatan Sasterawan 50
<i>ASEAN</i>	<i>Association of South East Asian Nation</i>
<i>ATMA</i>	Alam dan Tamadun Melayu
<i>CGI</i>	<i>Computer Generated Imagery</i>
<i>DPN</i>	Dasar Perfileman Negara
<i>DBP</i>	Dewan Bahasa dan Pustaka
<i>EAFTAB</i>	Festival Filem dan Televisyen Asia Timur
<i>FDAM</i>	Persatuan Sutradara Malaysia
<i>FINAS</i>	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
<i>GAFIM</i>	Gabungan Karyawan Filem Malaysia
<i>GAPENA</i>	Gabungan Persatuan Penulis Nasional
<i>ILM</i>	<i>Industrial Light and Magic</i>
<i>KALAM</i>	Persatuan Penulis Kuala Lumpur
<i>MAAF</i>	Persatuan Filem Iklan Malaysia
<i>MAFE</i>	Persatuan Pemamer Filem Malaysia
<i>MSC</i>	Koridor Raya Multimedia
<i>PENA</i>	Persatuan Penulis Nasional
<i>PFM</i>	Persatuan Pengeluar Filem Malaysia
<i>POSTAM</i>	Persatuan Post Produksi Malaysia
<i>PPFM</i>	Persatuan Pekerja Filem Malaysia
<i>RTM</i>	Radio Televisyen Malaysia
<i>SENIMAN</i>	Persatuan Seniman Malaysia
<i>SN</i>	Sasterawan Negara
<i>SWAM</i>	Persatuan Penulis Skrip Filem Malaysia
<i>UiTM</i>	Universiti Teknologi Mara
<i>UKM</i>	Universiti Kebangsaan Malaysia
<i>UM</i>	Universiti Malaya
<i>UNIMAS</i>	Universiti Malaysia Sarawak
<i>UNITEN</i>	Universiti Tenaga Nasional
<i>UPM</i>	Universiti Putra Malaysia
<i>USM</i>	Universiti Sains Malaysia
<i>UUM</i>	Universiti Utara Malaysia
<i>VHS</i>	<i>Violence, Horror, Sex</i>
<i>WGA</i>	<i>Writers Guild of America</i>

## PENDAHULUAN

### Pengenalan

FILEM telah merancakkan perkembangan media dan seni sejak sejarah permulaannya iaitu pada tahun 1890-an lagi. Medium visual yang terdedah pada perkembangan teknologi ini tidak sahaja menawarkan hiburan, tetapi juga pemikiran, pendidikan, selain bertindak sebagai agen propaganda dan penyalur budaya.

Sepanjang perkembangannya juga, industri filem (terutama dalam konteks Barat) perlu berterima kasih kepada industri sastera kerana sering menyumbangkan sumber cerita untuk filem-filem bermutu. Namun, fenomena ini belum begitu dapat dibuktikan, mahupun dipesatkan dalam konteks Malaysia. Di Malaysia, filem Melayu yang diadaptasi daripada novel tempatan sering mendapat kritikan negatif atau gagal teruk di pasaran. Kebanjiran filem Hollywood yang ditayangkan setiap tahun di Malaysia pula tidak disedari masyarakat bahawa sebahagian besarnya adalah adaptasi daripada karya sastera, sama ada karya kontemporari mahupun karya klasik.

Dalam membincangkan adaptasi karya sastera ke filem, genre novel sering menjadi pilihan terbanyak dan paling popular kepada pembikin filem. Namun biasanya novelis tidak berpuas hati apabila karya mereka dipindahkan ke medium lain. Mereka cukup ‘sensitif’ apabila menghakimi karya mereka di layar. Semangat dan integriti novel tersebut seolah sudah dikurangkan atau dihapuskan apabila ditransformasi dalam bentuk lain. Pembikin filem sering didakwa tidak berupaya ‘menterjemah’, mendahulukan komersilisme dan mementingkan wang berbanding novelis yang dikatakan masih mahu memikirkan tentang seni, falsafah, kebudayaan dan kemanusiaan dalam karya mereka.

Novel *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966) misalnya telah lama diangkat sebagai karya besar Shahnon Ahmad. Namun apabila diadaptasi pengarah filemnya, Jamil Sulong, filem ini hanya dianggap cemerlang di segi visual tetapi miskin kejiwaan dan falsafahnya. **1** A. Samad Said pula tidak menganggap filem *Langit Petang* (1982) arahan Shahrom Mohd. Dom sebagai adaptasi daripada novelnya, sebaliknya hanya meminjam judulnya sahaja. **2** Dalam novel, apa yang mahu diangkat ialah pencarian diri wartawan tersebut bersama hubungannya dengan dua watak lain, tetapi di dalam filem, kisah perebutan tanah pula yang lebih ditonjolkan. Sementara Khadijah Hashim mengaku serik dengan sikap produser kerana penambahan dan mendakwa novelnya *Mira Edora* (1988) lebih menarik daripada adaptasi filemnya yang diarahkan Zulkifle M. Osman. **3** Contoh lain, *Black Widow* (1992) karya Raja Azmi yang diadaptasi ke filem dengan judul *Black*

*Widow : Wajah Ayu* (1995) rugi besar di segi pungutan walaupun disutradarai pengarah sekuat U-Wei Hj. Shaari.

Sementara itu, tradisi filem adaptasi daripada novel di Barat sudah bermula seawal tahun 1902 apabila seorang produser filem Perancis memindahkan (tanpa kebenaran) novel *L'Assamoir* karya Emile Zola ke filem selama lima minit.<sup>4</sup> Sejak itu adaptasi dilakukan dengan giat, tidak sahaja daripada novel, tetapi juga daripada genre penulisan kreatif yang lain juga.

Selain novel, sumber lain yang sering diadaptasi ke filem ialah cerpen seperti *All About Eve* (1950), *Swept By The Sea* (1997) dan *Mimic* (1997), drama seperti *The Crucible* (1997), *Death and The Maiden* (1998) dan *A Perfect Murder* (1998), novella seperti *Stand By Me* (1986), *Legend of The Fall* (1995), biografi seperti *Malcolm X* (1992), autobiografi seperti *My Left Foot* (1989) dan *Breaking The Surface* (1995), rencana seperti *Zulu* (1964), pementasan Broadway seperti *Evita* (1997), memoir seperti *In Love and War* (1997) dan *Seven Years In Tibet* (1998), siri televisyen seperti *The X-Files* (1998) dan *The Avengers* (1998) dan tidak ketinggalan, daripada komik seperti *Dick Tracy* (1990), *Brenda Star* (1994), *The Crow* (1994) dan *Blade* (1998). Malah kisah benar juga sering diadaptasi ke filem seperti *Dog Day Afternoon* (1975), *Sleepers* (1997) dan *Donnie Brasco* (1997).

Ada juga filem Hollywood yang mengadaptasi filem negara lain seperti *Diabolique* (1996) yang sebelumnya diadaptasi daripada novel Perancis, *Celle Qui N'Etait Plus* dan telah pun diadaptasi menjadi sebuah filem klasik Perancis, *Les Diaboliques*.<sup>5</sup> Malah novel-novel klasik sentiasa dan masih menjadi perhatian, hingga dibuat dalam beberapa versi seperti *The Scarlet Letter* karya Nathaniel Hawthorne yang pernah diadaptasi ke filem untuk tahun-tahun 1926, 1934, 1973 dan 1996, dan *Great Expectations* karya Charles Dickens yang juga pernah dibuat dalam empat versi filem iaitu pada tahun-tahun 1934, 1946, 1974 dan 1998.<sup>6</sup> *Les Miserables* (1998) pula dalam kes berbeza apabila novel terkenal Victor Hugo ini telah lama diadaptasi sebagai teater yang terkenal di seluruh dunia, dan kemudian diadaptasi ke filem pula sebanyak tujuh kali, termasuk yang terbaru yang diarahkan oleh Bille August pada tahun 1998.

Era 90-an menyaksikan kecenderungan dan minat yang kian semarak dalam penghasilan filem-filem adaptasi daripada novel. Filem-filem begini sering memenangi anugerah prestij di Amerika Syarikat. Anugerah *Academy* 1995 lepas misalnya membariskan tiga filem adaptasi daripada novel dari luar Amerika Syarikat iaitu *Babe* (Australia), *Sense and Sensibility* (United Kingdom) dan *Il Postino/The Postman* (Itali) daripada lima filem cereka terbaik dan daripada enam lakon layar adaptasi terbaik yang dipertandingkan di peringkat akhir. Tahun 1996 pula membariskan antara lain, *The English Patient*, *Sense and Sensibility* dan *Seven*. Sementara pada tahun 1997, *L.A. Confidential*, *Wag The Dog* dan *The Wings of The Dove* pula memberi

saingen. Semuanya daripada novel. Malah kebanyakan pemenang Anugerah *Academy* dan Anugerah *Emmy* sepanjang sejarahnya ialah hasil adaptasi (novel, cerpen, drama, teater dan kisah benar).

Novel yang diadaptasi ke filem di Hollywood di era 90-an biasanya novel *best-seller* atau novel ‘popular’ (namun ‘popular’ tidak bermakna ‘ringan’, tapi biasanya novel popular yang bermutu dan berilmu). Di Amerika Syarikat, perlumbaan membayar hakcipta novel terbaru kebanyakannya berlaku kepada novel ‘popular’ yang mempunyai nilai sinematik dan ditulis oleh novelis-novelis terkenal.

*Screen International*, sebuah syarikat produser di Amerika Syarikat melaporkan, novel-novel terbaru daripada Michael Crichton, John Grisham dan Stephen King sentiasa menjadi rebutan dan ditawar bayaran tinggi. Novel-novel Crichton yang diadaptasi ke filem misalnya mencipta sejarah filem dengan kejayaan teknologi dan komersil menerusi *Jurassic Park* (1994), *The Rising Sun* (1994), *Congo* (1995) dan *Jurassic Park II : The Lost World* (1997). Setiap satunya Crichton dibayar AS\$3.5 juta (RM11.6 juta), namun bayaran tertinggi untuk projek adaptasi novel-filem ini ialah untuk novel terbarunya *Airframe* (1998) yang dibayar AS\$10 juta (RM33 juta), mengatasi semua novelis dalam kategori ‘popular’ di Amerika Syarikat. Sementara Grisham dibayar US\$6 (RM19.8 juta) juta untuk hakcipta *A Time To Kill* (1996) selain berhak menentukan pelakon filem tersebut. Sementara novel berikut beliau, *The Rainmaker* (1997) turut dibayar dengan

jumlah yang sama, dan beliau menjadi salah seorang penulis lakon layarnya. 7

Kecenderungan ini tidak pula bermakna novel-novel yang tinggi nilai estetikanya, kaya kemanusiaannya, sarat falsafah dan tepu unsur sejarahnya tidak mendapat perhatian. Hal ini terbukti dengan adanya wakil-wakil filem bukan aliran perdana (yang bukan setakat mahu memenuhi citarasa penonton yang tidak celik filem, yang mementingkan keuntungan dan aspek komersilisme sahaja) seperti *All the King's Men* (1949) daripada novel Robert Penn Warren, *A Passage To India* (1984) daripada novel E.M. Foster, *Of Mice and Men* (1992) daripada novel John Steinbeck, *The Remains of The Day* (1993) daripada novel Kazuo Ishiguro, *Schindler's List* (1994) daripada novel Thomas Kennealy, *Cry The Beloved Country* (1995) daripada novel Alan Paton, *Oscar and Lucinda* (1997) daripada novel Peter Carey, *Anna Karenina* (1997) daripada novel Leo Tolstoy, dan *Snow Falling On Cedars* (1998) daripada novel David Guterson. Novel-novel dalam kategori begini biasanya karya klasik, atau ditulis oleh novelis tersohor dunia, atau pernah memenangi hadiah penulisan tertentu seperti *Booker Prize*, *Pulitzer Prize* dan *Faulkner Award*.

Namun jika ditinjau di peringkat awal perkembangan fenomena adaptasi novel ke filem di Amerika Syarikat, negara ini juga mengalami masalah-masalah yang hampir sama dengan konteks Malaysia kini, terutamanya kritikan hebat daripada para novelis.

Tennessee Williams, John Steinbeck, William Faulkner dan Ernest Hemingway misalnya, antara penulis yang tidak berpuas hati apabila karya mereka diadaptasi ke filem. Mary C. Johnson dalam bukunya, *The Scriptwriter's Journal* (1993) mengatakan :

*Hollywood and writers have always made uneasy bedfellows. Ernest Hemingway never quite got over the movie based on his book, *The Snows of Kilimanjaro*. He always referred to it as "The Snow of Zanuck" and gave his own best-performer award to the hyenas! 8*

Akhirnya kedua-dua bidang seolah diwabaki ‘perang dingin’ dan cenderung prejudis. Kedua-duanya sering saling menyalahkan dengan dakwaan salah satu pihak kurang memahami disiplin dan keperluan bidang masing-masing. Hal ini tidak sepatutnya terjadi. Kerjasama intim novelis dan pembikin filem amat penting kerana hakikatnya, dengan mengambil contoh Barat (khusus kepada Amerika Syarikat), malah seperti filem lain juga yang bertolak daripada lakon layar asli, filem adaptasi juga sebenarnya mampu memberi pulangan menguntungkan, sama ada di segi material maupun spiritual.

### **Kajian Literatur**

Meninjau konteks tempatan, tiada langsung kajian berbahasa Melayu dan bahan bacaan berbahasa Melayu yang berusaha mendalam dengan teliti tentang konsep adaptasi

(terutama adaptasi novel ke filem) dan isu-isu yang berkaitan dengannya seperti di segi teoretikal, sejarah dan prinsip adaptasi. Jika adapun, kajian yang sedia sedikit ini lebih banyak merujuk kepada genre lain, bukannya khusus novel ke filem. Sebaliknya kajian atau bahan bacaan itu lebih berminat dengan fenomena adaptasi novel atau cerpen ke drama televisyen, novel atau cerpen ke drama pentas, atau drama televisyen dan teater ke filem.

Di Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya sendiri, hanya terdapat hanya satu latihan ilmiah yang menghampiri kajian ini iaitu “Pemindahan Idea : Novel ke Lakon Layar (Berdasarkan Kepada Novel *Rentong* dan Drama TV *Harimau-harimau*) oleh Zainal Kassim pada sesi 1988/1989. Namun latihan ilmiah ini menumpukan kepada pemindahan novel ke drama televisyen, bukannya ke filem. Sementara kajian di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah, masih tiada lagi tesis atau disertasi tentang isu adaptasi di jabatan ini. Isu adaptasi novel ke filem ini juga nampaknya belum dikaji di beberapa universiti tempatan seperti Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa dan Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) yang mempunyai Jabatan Komunikasi atau jabatan-jabatan lain yang berkaitan dengannya.

Keprihatinan terhadap isu ini terpancar lebih banyak menerusi rencana di majalah-majalah tertentu seperti *Dewan Sastera* dan *Dewan Budaya*, dan berita di

akbar-akbar tertentu seperti *Utusan/Mingguan Malaysia* dan *Berita Harian/Minggu*. Sepanjang 80-an pula, terdapat beberapa tokoh sastera-filem seperti Johan Jaafar (kini Datuk) dan Dr. Anuar Nor Arai yang menulis beberapa kali tentang isu ini dalam *Dewan Budaya*. Pengkritik filem seperti A. Wahab Hamzah pula pernah melanjutkannya dengan agak terperinci dalam *Dewan Sastera* (September 1992). Sepanjang Mei dan Jun 1993 lepas, didapati akbar berbahasa Melayu cenderung menyiaran isu ini secara berturut-turut dengan melaporkan aktiviti diskusi, pandangan tokoh dan mereka yang pernah terlibat dalam proses adaptasi tersebut.

Minat terhadap isu adaptasi ini juga ditunjukkan menerusi beberapa siri dialog dan seminar. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) misalnya pernah menganjurkan diskusi sastera bertajuk “Novel-Layar : Hubungan Yang Penuh Prasangka” pada 29 Mei 1993 dengan panel Dr. Anuar Nor Arai (Universiti Malaya), Adman Salleh (Institut Teknologi Mara) dan Zakaria Ariffin (DBP), dan yang terbaru ialah “Daripada Teks ke Layar : Pengalaman Mentafsir Juara/Jogho” dengan kerjasama Kelab ALUMNI Minggu Penulis Remaja (MPR) pada 5 Disember 1998 dengan panel Prof. Madya Dr. S. Othman Kelantan (UM), U-Wei Hj. Shaari dan Hishamuddin Rais.

Pada April 1996, Datuk Jins Shamsudin dalam seminar bulanan Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertajuk “Perkembangan Filem Melayu Mutakhir” berpendapat, Malaysia tidak mempunyai novel yang dapat diadaptasi dengan mudah oleh

karyawan filem kerana sebahagian besar novelis menulis karya mereka tanpa memikirkan kemungkinan novel itu difilemkan satu hari nanti. Rasa pesimis beliau ini diteruskan daripada sebuah Forum Sastera sebelum itu di Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 1 September 1986 dengan berpandangan, jika novel-novel Melayu difilemkan, seperti *Ranjau Sepanjang Jalan*, filem itu tidak akan mampu memberi hiburan kepada penonton.

9 Namun pandangan pesimis beliau ini mula berubah beberapa tahun setelah itu ketika memperkatakan novel *Imam* (1996) di DBP pada 13 April 1996. Beliau berpendapat *Imam* antara contoh novel Melayu yang baik dan mudah difilemkan kerana mempunyai ‘mata sinematik’ memandangkan penulisnya, Datuk Abdullah Hussain pernah mempunyai latar pendedahan dan pengalaman dalam perfileman.

Daripada beberapa contoh tersebut, terlihat betapa isu adaptasi ini hanya dibincang dalam fasa tertentu sahaja, seperti kebetulan dihangatkan oleh sebuah filem Melayu yang dikritik hebat atau sengaja dipanjangkan isunya di dalam akhbar. Hampir tiada bahan bacaan atau kajian yang memerkatakannya secara serius dan mendalam. Oleh itu kajian dengan isu yang kurang dipedulikan ini, atau kurang dianggap penting ini diharapkan dapat menyumbangkan sesuatu, sekurang-kurangnya terhadap kesedaran umum bahawa fenomena adaptasi novel ke filem sebenarnya sangat menarik, mencabar dan boleh menguntungkan kedua-dua novelis dan pembikin filem. Seterusnya, diharapkan kajian ini akan menjadi pemula dan katalis kepada kajian akan datang yang turut menyentuh tentang fenomena adaptasi ini.

## **Rasional/Kepentingan Kajian**

Pada dasarnya filem ialah cabang seni dan sebuah industri yang meriah dan agresif. Walaupun usaha pengembangannya di Malaysia masih banyak yang di tahap perancangan atau pengembangan, namun iltizam ke arah pemantapan sudah kelihatan walaupun barangkali agak lewat. Industri filem Melayu atau filem Malaysia juga diharapkan mendapat tempias faedah daripada Koridor Raya Multimedia (*MSC*) dan projek *E-Village*, atau sekurang-kurangnya terilham sesuatu daripada projek mega ini.

Namun sehingga hari ini, industri filem Melayu moden secara keseluruhannya masih di tahap membangun dan menghadapi 1001 masalah dan kekangan. Filem Melayu masih belum mempunyai tradisi kukuh dalam memperbanyak jumlah filem adaptasi. Sepanjang sejarahnya, jumlah filem Melayu yang diadaptasi daripada novel sangat kurang dan sering pula gagal di pasaran, atau sekadar menampung penerbit daripada tidak kerugian.

Sebaliknya di Amerika Syarikat, trend adaptasi novel ke filem ini kian rancak dan kerap pula berjaya di pasaran, baik di segi komersil, mahupun estetika. Untuk itu, novelis dan pembikin filem di negara ini harus melihat tuntutan ini secara lebih serius, positif dan penuh minat, selaras dengan kerancakan kedua-dua industri yang dapat diteladani daripada negara lain. Kedua-duanya cabang seni dan ranting penulisan kreatif. Jika dikerjakan dengan bersungguh-sungguh, kedua-duanya dapat menyumbang kepada

ekonomi dan rohani masyarakat.

Seterusnya dapatan kajian ini diharapkan dapat menjawab beberapa persoalan yang berkaitan dengan adaptasi, misalnya mengapa senario adaptasi novel ke filem di Malaysia begitu lebap menyediakan dan sering gagal bertimpa, berbanding rancak ceria dan untung berganda di Amerika Syarikat. Daripada situ, diharapkan dapat disaring masalah lepas, difahami perubahan kini dan bagaimana pula persiapan agen hiburan ini agar terus signifikan dalam era baru, seterusnya selari dengan selera masyarakat era baru.

Di Malaysia, kajian dan bahan bacaan dalam bidang kesusasteraan dan perfileman yang memperkatakan isu adaptasi, sama ada secara menyeluruh maupun perbincangan kecil, masih sangat kurang. Sastera lebih menumpukan kepada perkembangan empat genre utamanya (novel, cerpen, puisi, drama) atau teori-teori sastera yang berkaitan. Sementara perfileman lebih disorot sifat permukaannya yang lazim dikenali masyarakat, bukan sebagai bidang ilmu terhormat. Oleh itu kajian ini diharapkan dapat memperbanyakkan lagi dokumentasi ilmu dalam bidang terbabit.

Apabila adaptasi berjaya dilakukan, seterusnya menjadi fenomena yang kian biasa pada khalayak, lebih mudah sesuatu wahana fikiran dikongsi oleh khalayak yang lebih ramai dan mempunyai pelbagai latar belakang. Intimnya kedua-dua bidang juga bermakna kian banyaklah khalayak yang dapat menikmati wahana sastera, serentak

mengagumi keajaiban filem.

Hakikat ini bertolak daripada beberapa kelebihan pada medium filem. Kadar minat menonton filem (dan televisyen) di Malaysia boleh dikatakan lebih tinggi daripada minat membaca. Melalui filem juga, segalanya lebih segera tersalur. Novel 300 halaman mungkin memerlukan satu dua hari konsentrasi penuh untuk tamat membacanya, tetapi filem biasanya mengambil masa satu setengah jam sahaja. Filem lebih terdedah dan cepat dipengaruhi dan mengaplikasi perkembangan teknologi terkini. Filem juga industri yang berkali-kali lebih besar daripada industri penerbitan buku, bermakna mampu mendatangkan pulangan yang berkali-kali lebih tinggi juga jika dikerjakan dengan betul dan tekun.

Lebih jauh lagi, kajian ini diharapkan dapat menunjukkan betapa efektif kerja-kerja yang telah dilakukan oleh mereka yang melakukan adaptasi terhadap bentuk dan kandungan karya asal. Usaha mereka ini seterusnya dapat membantu apresiasi khalayak, terutama memperkayakan pemahaman terhadap karya sastera yang barangkali dilihat ‘asing’ sebelumnya.

### **Permasalahan Kajian**

Permasalahan awal kajian ini ialah menentukan konsep yang tepat dan sesuai bagi terminologi adaptasi. Apa yang berlaku kini ialah wujudnya salah faham antara novelis

dan pembikin filem (khususnya sutradara) dalam mempertahankan autoriti masing-masing. Sekurang-kurangnya, adaptasi perlu dibezakan daripada *novelization* (adaptasi filem ke novel), penceritaan semula, apalagi plagiat.

Seterusnya konsep adaptasi umum yang sering kabur itu membawaikan beberapa persoalan susulan pula yang perlu dijelaskan. Misalnya, apakah bentuk novel yang sesuai diadaptasi? Bagaimanakah seharusnya bentuk filem yang berhasil daripada adaptasi novel tersebut? Adakah sebuah novel hebat di tangan penulis terhormat akan menjanjikan sebuah filem yang setara atau lebih hebat daripada novel tersebut? Apakah ukuran novel dan filem yang baik itu hanya novel dan filem beraliran ‘seni’ atau filem ‘serius’ sahaja? Bagaimana pula dengan novel dan filem yang mempunyai pendekatan ‘popular’ atau ‘komersil’ tetapi terjaga mutunya?

Ada pula pendapat mengatakan kejayaan adaptasi ditentukan oleh kebiasaan untuk ‘tidak memotong dan menambah sesuka hati’. Jadi apakah yang seboleh-bolehnya perlu dikenalkan dan apa pula yang boleh ditinggalkan? Sejauh mana pula seorang pengadaptasi boleh jujur terhadap karya asal, sedangkan adaptasi biasanya melibatkan penambahan, pengurangan dan penyimpangan? Pembikin filem biasanya mempertahankan penambahan, pengurangan dan penyimpangan tersebut dengan alasan filem mempunyai disiplin dan keperluan tersendiri. Jadi adakah novelis yang terlalu *demanding* atau kurang memahami hakikat adaptasi, atau memang kebanyakan

pembikin filem yang sebenarnya kurang berupaya memahami roh atau semangat novel terbabit hingga mengubahnya sesuka hati?

Persoalan ini malah pernah disuarakan oleh Morris Beja yang menulis buku *Film and Literature* (1979) :

*How should a film-maker go about the process of adapting a work of written literature? Are there guiding principles that we can discover or devise? What relationship should a film have to the original source? Should it be faithful? Can it be? To what? Which should be uppermost in a film-maker's mind : the integrity of the original work, or the integrity of the film to be based on that work? Is there a necessary conflict? What types of changes are permissible? Desirable? Inevitable? Are some types of work more adaptable than others? 10*

Asumsi juga sering mengatakan, bahawa lebih mudah untuk penulis lakon layar menulis novel berbanding novelis menulis lakon layar memandangkan novelis tidak tahu aspek teknikal (sudut kamera dan aspek tatacahaya misalnya). Rentetannya, dalam usaha mewujudkan karya adaptasi yang baik, adakah kedua-dua pihak perlu mengetahui keperluan dan disiplin kedua-dua bidang, baik di segi saintifiknya maupun artistiknya? Haruskah filem-filem adaptasi dikerjakan oleh pembikin filem dan penulis yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan tentang bidang lawan masing-masing?

Setelah siap, mengapa pula sesetengah filem adaptasi berjaya dan yang lainnya

tidak? Bagaimanakah aspek strukturalnya seperti sudut pandangan, tempo, unsur dramatik, kesan emotif, permulaan yang kuat, klimaks, dan penyelesaian yang mengesankan dipenuhi? Etienne Souriau, ahli estetika Perancis berpendapat terdapat empat ciri formal atau ciri struktural pada novel yang merumitkan penterjemahan ke dalam bahasa sinematik iaitu masa, tempo, ruang dan sudut pandangan.

Benarkah juga karya seni lebih *evergreen* dalam novel berbanding filem memandangkan novel yang baik dikatakan lebih rapi persediaannya berbanding filem? Proses kreatif dan pengeraman novel boleh memakan masa bertahun-tahun, sedangkan filem boleh disiapkan dalam masa tiga atau empat bulan penggambaran (tanpa menafikan filem yang baik turut mengambil masa bertahun-tahun untuk fasa-fasa pra produksi, produksi dan paska produksinya). Filem juga ditayangkan dalam tempoh tertentu sahaja (biasanya singkat) dan jika bernasib baik, akan kekal lebih lama sedikit jika divideokan atau dialih bentuk kepada *vcd*, *dvd* atau *laser disk*. Sebaliknya buku dikatakan akan terus bertahan walaupun penulisnya sudah lama tiada.

Selain itu, bukanlah suatu usaha yang mudah untuk mengumpul bahan tentang isu adaptasi ini dengan meninjau ke semua tahap adaptasi iaitu di peringkat novel, lakon layar dan filem. Satu-satunya sumber ialah merujuk terus kepada pengarah filem, penulis lakon layar dan novelis. Tidak semua pula pengarah filem mempunyai salinan filem tersebut, dan antara faktornya ialah ketiadaan kemudahan di era itu, atau kurangnya

kesedaran untuk mendokumentasikan filem-filem ini secara teratur. Penulis lakon layar pula hanya sekerat dua yang menyedari kepentingan menyimpan lakon layar, dan bagi yang melakukannya pula, bersikap cukup berhati-hati untuk meminjamkannya. Sementara novelis sering berasa ‘tidak seronok’ untuk bercerita semula tentang novel mereka yang biasanya ‘hancur’ apabila diadaptasi ke layar.

Kajian ini turut menyentuh isu adaptasi di Malaysia dan di Amerika Syarikat, maka aspek perbandingan ini perlu dibuat dengan teliti kerana isu yang ditinjau juga agak luas seperti sejarah adaptasi novel ke filem dan prinsip-prinsip adaptasi yang lazim diamalkan di kedua-dua negara. Masalah timbul dalam menganalisis sejarah filem yang diadaptasi daripada novel dalam konteks Malaysia. Dokumentasi dalam bentuk bahan cetak sangat terhad, sementara badan berkaitan seperti FINAS tidak menyimpan semua filem Melayu yang lepas-lepas. Sementara filem dan lakon layar dari Amerika Syarikat yang dikaji lebih mudah didapati. Malah, sudah menjadi perkara biasa di sana, apabila sebuah filem ditayangkan kepada umum, apatah lagi jika filem itu memenangi anugerah, buku tentang lakon layarnya turut dijual. Namun buku begini biasanya tidak dicetak banyak, jarang, lambat atau tidak akan sampai ke Malaysia, dan terpaksa dibeli di negara asalnya atau di negara yang pesat industri bukunya seperti Amerika Syarikat (dan United Kingdom).

## **Objektif Kajian**

Berdasarkan kepada permasalahan kajian yang dinyatakan, kajian ini berusaha untuk memenuhi empat objektif iaitu :

1) Memberi pemahamanan sebenar tentang konsep adaptasi dan isu-isu yang berkaitan dengannya.

Hal ini dirasakan penting agar dapat dijadikan panduan kepada pengkaji seterusnya, pengkritik filem, pelajar filem, dan tentu sahaja kepada novelis dan pembikin filem, terutamanya pengarah. Wujudnya konsep yang mantap diharapkan akan dapat membantu menggalurkan pemahaman terhadap isu ini secara lebih terarah, seterusnya boleh mengelakkan mana-mana pihak daripada terjebak dengan rasa prejedis, atau terpengaruh dengan laporan yang bersifat memihak dalam mana-mana cabang media.

2) Meneliti isu adaptasi daripada beberapa sudut seperti tentang konsep dan sejarahnya, selain beberapa prinsip adaptasi yang difikirkan wajar diikuti.

Kajian begini barangkali mudah dinilai kurang signifikan kerana suramnya kedua-dua industri sastera dan filem dalam konteks Malaysia. Masyarakat Malaysia pada dasarnya belum mencapai ke tahap masyarakat berbudaya ilmu dan gemar membaca walaupun mempunyai kadar literasi tinggi. Majoriti industri penerbitannya masih kecil-kecilan dengan tumpuan kepada pasaran domestik. Sementara filem Melayu hingga kini masih diberi pandangan sinis akan perkembangannya yang masih terkial-kial itu. Minat menonton filem juga lebih banyak kepada filem-filem cereka asing yang kebetulan menguasai 95.9 peratus tayangan di pawagam negara. **11** Mungkin kerana

sebab-sebab ini, hingga kini masih belum terdapat pengkaji yang benar-benar berminat dengan topik ini, seterusnya menyekat kehadiran sebuah kajian yang benar-benar serius yang cuba memperkatakannya. Oleh itu kajian ini berusaha mengisi lompong tersebut.

3) Menganalisis konsep adaptasi dengan teliti menerusi sorotan terhadap tiga proses atau fasa yang berbeza iaitu di tahap novel, lakon layar dan filem.

Berbanding menulis lakon layar asli kepada filem, adaptasi memerlukan kerja yang lebih banyak kerana proses itu ditambah satu lagi iaitu membaca terlebih dahulu novel yang ingin diadaptasi. Seterusnya penelitian yang dibuat pada tahap lakon layar akan meninjau sejauh mana penulisan lakon layar ini berusaha ‘menterjemahkannya’. Sementara bentuk seluloid pula sebagai produk akhir akan dikenalpasti perubahan, sama ada pengekalan atau penyingkiran terhadap bahan asal, dan bahan perantara iaitu lakon layar tadi.

4) Perbandingan senario, masalah dan kerja adaptasi dalam konteks dua negara bandingan iaitu Malaysia dan Amerika Syarikat.

Usaha melihat isu adaptasi daripada beberapa perspektif ini akan lebih kukuh dan menarik sekiranya dilihat dalam konteks perbandingan. Malaysia masih belum mempunyai tradisi adaptasi novel ke filem yang mapan, oleh itu adalah afdal untuk mengambil satu negara yang telah maju dalam senario ini seperti Amerika Syarikat untuk dijadikan perbandingan. Dari situ, dapat dilihat persamaan dan perbezaan, kekuatan dan kelemahan, dan tradisi mengadaptasi novel ke filem yang bagaimana yang sering menjadi kegemaran kedua-dua negara.

## Skop Kajian

Proses adaptasi boleh didapati daripada pelbagai sumber primer termasuk cerpen, drama pentas, puisi, biografi, autobiografi, komik, artikel majalah dan lagu. Sumber sekunder pula seperti wawancara, surat, diari, buku teks, laporan polis, malah laporan mahkamah sekalipun.

Namun novel dipilih memandangkan genre ini paling digemari dan paling banyak diadaptasi, sama ada dalam konteks Malaysia, apatah lagi dalam konteks Amerika Syarikat. Novel yang dipilih pula lazimnya ialah novel yang diakui tahap estetikanya, rasa tanggungjawabnya, atau melengkapi apa yang dikatakan novel yang kuat. Oleh itu beberapa bentuk teks selain novel tidak diambil kira dalam kajian ini. Contohnya hikayat, seperti *Hikayat Hang Tuah* (1964) yang pernah diadaptasi secara longgar ke filem oleh pengarah dari India, Phani Majundar, dengan judul *Hang Tuah* (1956). Malah filem ini sebenarnya hanya mengambil kata kuncinya sahaja dan melakukan banyak tokoh tambah seperti percintaan Hang Tuah dengan Melor, gadis Jakun dari Gunung Ledang, dibumbui pula oleh adegan-adegan menyanyi dan menari, yang sememangnya tiada dalam hikayat tersebut. Begitu juga beberapa filem Melayu terdahulu seperti *Mahsuri* (1958), *Batu Belah Batu Bertangkup* (1959), *Bawang Putih Bawah Merah* (1959), *Hang Jebat* (1961), *Si Tanggang* (1961), *Siti Zubaidah* (1961), *Bidasari* (1965) dan *Raja Bersiong* (1968) tidak diambil kira dalam kajian adaptasi novel ke filem ini, kerana tidak memenuhi konteks novel dalam maknanya yang bertanggungjawab dalam

perkembangan sastera Melayu moden. Sebaliknya contoh-contoh tadi banyak bertolak daripada cerita lisan, cerita rakyat, cerita kanak-kanak, kisah bangsawan, sejarah atau legenda, dan kebanyakannya didasarkan secara longgar pula daripada sumber-sumber terbabit.

Begitu juga dengan filem - kategorinya rencam seperti filem cereka, filem dokumentari, filem etnografi, filem animasi, filem pendek dan filem iklan. Genre filem cereka pula sangat luas termasuklah komedi, aksi, drama, *thriller*, muzikal, gangster, *western*, *film noir*, melodrama, fiksyen sains, fantasi, perang, *adventure*, epik, sukan, biografi dan satira. Namun kajian ini hanya akan menumpukan pada filem cereka (*feature film*) daripada genre drama sahaja. Filem cereka genre drama yang telah dipilih itu pula berjaya di segi estetika, atau berjaya kedua-dua aspek komersil dan seninya, dan tidak semestinya mencapai tahap *box-office*. Filem-filem itu tidak semestinya ‘filem seni’ sahaja tetapi ‘filem popular’ yang bermutu juga.

Filem-filem itu pula dipilih daripada negara pilihan sahaja iaitu filem Melayu yang diterbitkan di Malaysia. Walaupun kajian berlandaskan konteks Malaysia menjanjikan ‘sesuatu yang kurang menyeronokkan’ kerana sejarah filem yang diadaptasi daripada novel yang masih sangat kecil dan selalu pula mendapat kritikan negatif, pilihan ini tetap dianggap penting sebagai suatu upaya sumbangan dalam konteks tempatan. Sebagai perbandingan pula, filem dari Amerika Syarikat dipilih memandangkan

Hollywood adalah contoh terbaik terhadap fenomena adaptasi novel ke filem. Malah di segi sejarah, Hollywood ialah pusat pembikin filem paling berpengaruh di dunia, yang sejak dahulu hingga kini telah mendominasi milieu dan trend tontonan jutaan penonton di sebahagian besar planet bumi.

Berdasarkan kepada faktor-faktor tersebut, novel *Juara* (1989) karya S. Othman Kelantan dan filem adaptasinya, *Jogho* (1997) arahan U-Wei Shaari telah dipilih untuk mewakili Malaysia, sementara novel *The English Patient* (1992) karya Michael Ondaatje dan filem adaptasinya dengan judul yang sama, *The English Patient* (1996) arahan Anthony Minghella telah dipilih untuk mewakili Amerika Syarikat. Faktor-faktor lanjut novel-filem *Juara/Jogho* dan *The English Patient* dipilih untuk kajian ini adalah seperti berikut :

- 1) Kedua-dua novel sebagai sumber asal yang diadaptasi ke filem itu pula telah diperakui mutunya di peringkat nasional atau antarabangsa. *Juara* ialah novel S. Othman Kelantan yang pernah diterjemahkan ke bahasa Inggeris dan bahasa Jepun. Novelisnya pula antara sasterawan yang kuat, pernah beberapa kali memenangi Hadiah Sastera Malaysia (1972, 1973, 1974, 1984) dan *Sea Write Award* 1990. *The English Patient* pula novel Anthony Minghella yang pernah memenangi *Booker Prize* 1992. Beliau juga antara novelis yang disegani di negara asalnya Sri Lanka, selain di Kanada dan United Kingdom.
- 2) Kedua-dua filem tersebut adalah filem-filem yang bermerit apabila pernah memenangi pelbagai anugerah filem yang prestij, mendapat pengiktirafan dan perhatian antarabangsa, selain diarahkan oleh pengarah berwibawa di negara masing-masing.
- 3) Kedua-dua filem juga lari daripada fahaman perdana tentang bagaimana filem harus dihasilkan dalam konteks tempatan. *Jogho* memenuhi konteks filem

nasional, berani menentang fahaman filem hanya sebagai hiburan apabila lari daripada kisah tentang penyanyi, konsert atau cinta cengeng yang menjadi kegemaran filem Melayu. *The English Patient* pula menyorot kisah cinta yang tidak konvensional dan lari daripada rumus lazim Hollywood yang terlalu mementingkan komersilisme. Semangat ‘berani untuk berbeza’ ini menjadikan kedua-duanya ‘istimewa’ sebagai sebuah filem cereka genre drama.

- 4) Kedua-dua filem ialah contoh-contoh terkini bagi filem yang diadaptasi daripada novel dalam konteks kedua-dua negara bandingan iaitu Malaysia dan Amerika Syarikat.

### **Metodologi Kajian**

Landasan kajian adaptasi novel ke filem ini berdasarkan tiga pandangan tokoh dan pengkaji filem. Pandangan pertama daripada Geoffrey Wagner dalam bukunya *The Novel and The Cinema* (1975). Wagner mengembangkan pandangannya berdasarkan pandangan Bela Balaz (1884-1949), ahli teori filem, penulis lakon layar dan pengarah filem, juga penyajak terkenal dari Hungary yang pernah membincangkan aspek falsafah dan psikologikal teknik filem dalam bukunya, *The Art of Cinema* (1945) yang kemudiannya dikenali sebagai *In Theory of Film*. Wagner menurunkan tiga kaedah iaitu secara transposisi, komentari dan analogi. Pandangan kedua ialah daripada Dudley Andrew dalam bukunya *Concepts in Film Theory* (1984) yang turut menurunkan tiga kaedah iaitu ‘meminjam’, ‘merujuk secara bersilang’ dan transformasi. Sementara pandangan ketiga dikemukakan oleh V. Swain Dwight dalam bukunya *Film Scriptwriting : A Practical Manual* (1993) yang memberikan tiga alternatif iaitu sama ada mengikuti seluruhnya karya asal, hanya memilih adegan-adegan tertentu dan

membentuk lakon layar asli atau baru berdasarkan karya asal tersebut.

Berdasarkan tiga pandangan tersebut, lalu cuba dikenalpasti sifat atau kaedah pengeraian dua novel, dua lakon layar dan dua filem yang dipilih secara bandingan iaitu *Juara/Jogho* (Malaysia) dan *The English Patient* (Amerika Syarikat). Kajian adaptasi bagi kedua-dua negara ditinjau dalam tiga bentuk secara terperinci iaitu ketika dalam bentuk novel, kemudiannya lakon layar dan seterusnya filem. Pendekatan begini difikirkan penting dalam mengenalpasti proses adaptasi tersebut secara rapi.

### **Kaedah Kajian**

Kajian ini dilakukan dengan lima cara. Kajian perpustakaan dilakukan di beberapa buah universiti serata Malaysia, terutama yang mempunyai Jabatan Pengajian Media, Jabatan Komunikasi, dan Kajian Sebaran Am. Antaranya termasuklah Universiti Malaya sendiri, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Institut Teknologi Mara, Universiti Islam Antarabangsa dan Universiti Putra Malaysia. Kajian perpustakaan juga dilakukan di perpustakaan FINAS, Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, perpustakaan Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya dan perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Negara dan Arkib Negara. Selain itu pengkaji juga berpeluang mendapatkan sendiri beberapa bahan rujukan daripada perpustakaan di Australia (1996) dan Eropah (1997)

sempena lawatan sambil belajar Universiti Putra Malaysia. Di Australia, universiti-universitinya ialah *University of New South Wales*, *Australian National University* dan *Monash University*, sementara universiti-universiti di England ialah *University of London*, *University of Birmingham* dan *John Moores Liverpool University*. Menerusi pesanan pula, agak banyak didapati rujukan dari *University of Iowa*, Amerika Syarikat yang meliputi bidang-bidang filem dan penulisan kreatif. Bahan bacaan, serentak perkembangan terbaru tentang sastera dan filem turut dibantu oleh beberapa kedai buku tempatan dan di luar negara seperti *MPH*, *Times* dan *BBC* di Malaysia, juga *Dillons* dan *Waterstones* di England.

Analisis turut dijalankan dengan pembacaan novel-novel kajian, penelitian lakon layar filem-filem pilihan, seterusnya menonton filem-filem kajian (atau video dan *vcf*) dalam konteks kedua-dua negara bandingan. Analisis dalam tiga bentuk dan tiga fasa ini difikirkan penting bagi mengenalpasti penambahan, pengurangan dan penyimpangan yang dilakukan sepanjang proses adaptasi daripada medium novel, kemudiannya ke lakon layar, hingga ke filem. Melaluinya dijangkakan dapatan tertentu seperti mengenalpasti kelebihan dan kekurangan adaptasi di kedua-dua negara.

Kajian juga cuba diperdalamkan dengan pengkaji mengikuti sendiri beberapa seminar dan diskusi berkaitan dengan kesusasteraan dan perfileman yang difikirkan dapat membantu kajian. Malah ada yang diikuti sebelum kajian ini dimulakan lagi,

memandangkan judulnya sudah dirancangkan sejak tahap ijazah pertama lagi. Antaranya termasuklah diskusi “Novel-Layar : Hubungan Yang Penuh Prasangka” anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada 29 Mei 1993, seminar “Perkembangan Filem Melayu Mutakhir” anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia pada April 1996, diskusi novel Zaharah Nawawi, *Jalur Sinar Di Cela Daun* (1981) dan novel Alice Walker, *The Color Purple* (1982) anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Penulis Kuala Lumpur (KALAM) pada 26 Oktober 1996, Seminar Filem Melayu peringkat kebangsaan anjuran Universiti Putra Malaysia pada 29 dan 30 September 1997, Simposium Falsafah dan Pemikiran Melayu anjuran GAFIM sempena Festival Filem Malaysia ke-13 anjuran FINAS pada 24 Disember 1997 lepas, dan diskusi “Daripada Teks ke Layar : Pengalaman Mentafsir *Juara/Jogho*” anjuran DBP-Kelab ALUMNI Minggu Penulis Remaja (MPR) pada 5 Disember 1998.

Analisis isi kandungan akhbar-akbar utama seperti *Utusan/Mingguan Malaysia* dan *Berita Harian/Minggu*, dan majalah seperti *Dewan Sastera* dan *Dewan Budaya* yang membincangkan isu adaptasi ini turut dilakukan khususnya dalam mengetahui sikap dan visi mereka yang pernah terlibat dalam proses adaptasi novel ke filem ini, selain mengenalpasti pandangan dan trend ketika itu dalam menanggapi fenomena ini. Analisis ini difikirkan penting memandangkan dalam konteks tempatan, isu adaptasi lebih banyak ditulis dan dibincangkan dalam akhbar dan majalah, bukannya buku dan kajian ilmiah.

Selain itu ialah wawancara mendalam dengan tokoh-tokoh yang pernah terlibat dengan proses adaptasi ini (untuk konteks Malaysia). Pengumpulan maklumat dan data akan dilakukan daripada sumber pertama yang sah sebagai rujukan terdekat dengan mendapatkan keterangan langsung daripada novelis, penulis lakon layar dan pengarah filem. Antara mereka yang diwawancara ialah SN Prof. Emeritus Dato' Shahnon Ahmad, SN Dato' A. Samad Said, SN Abdullah Hussain, Prof. Madya Dr. S. Othman Kelantan, Sdr. Hamzah Hussin, Pn. Khadijah Hashim, YM Raja Azmi Raja Sulaiman, Dato' Jins Shamsudin, Sdr. U-Wei Hj. Shaari dan Sdr. Jamil Sulong.

### **Penutup**

Filem adalah gabungan luas antara seni dan sains. Jika dikaji aspek sinematografi misalnya, dikatakan sinematografi itu sebagai *the art or science of making motion picture*. Sains meliputi perkara-perkara teknikal seperti penggunaan kamera yang sesuai, saiz filem dan penggunaan lensa yang tepat. Seni pula dicerminkan menerusi kerja kamera dan manipulasi unsur-unsur plastiknya seperti komposisi, tatacahaya dan warna. Dalam pada itu, perlu disedari bahawa seni sepatutnya sentiasa mengatasi aspek saintifik tadi kerana seni merupakan matlamat akhir sesebuah filem. Lebih jauh lagi, filem ialah cabang seni yang hampir lengkap - meliputi sastera, lukisan, fotografi, tari, malah kini, teknologi maklumat - sesuatu yang tidak dipunyai oleh cabang seni atau cabang media lain. Filem ialah seni termuda di dunia tetapi paling dinamik perubahannya, sekaligus mempunyai pengaruh yang sangat besar dan kuat dalam hidup manusia.

Filem sebenarnya tidak setakat agen hiburan sebagaimana paradigma majoriti masyarakat berpengetahuan sederhana, tetapi lebih pentingnya ialah medium yang sangat berpengaruh dalam menangkap dan menghayati hakikat kemanusiaan, selain menjadi penyata pemikiran budaya-ekonomi-politik bangsa yang diwakilinya. Dan sebuah filem adaptasi lazimnya prihatin dan sensitif dalam menangkap segala, atau salah satu daripada unsur tersebut.

Prasangka novelis-pengarah filem sering timbul mungkin kerana kurang mengenali dan kurang memahami. Pada masa akan datang, diharapkan sentimen ini terhapus demi kemajuan kedua-dua bidang. Apa yang lebih penting ialah usaha kedua-dua pihak untuk memperdalam ilmu dan memahami tuntutan dan sifat semulajadi kedua-dua bidang.

Sebagaimana pandangan Bernardo Bertolucci, penyajak yang pernah memenangi hadiah sastera sebelum terjun ke dunia filem dan menjadi pengarah filem tersohor dengan *The Last Emperor* (1987) dan *Little Buddha* (1994), “*Film is the true poetic language.*”<sup>12</sup> Secara tidak langsung, kenyataan ini menunjukkan betapa eratnya hubungan antara sastera dan filem.

## NOTA HUJUNG

- 1 A. Wahab Hamzah 1992. "Novel ke Filem : Hubungan Yang Mencurigakan?" *Dewan Sastera*, September, hlm. 6-8.
- 2 Ibid, hlm. 6-8.
- 3 Seri Intan Othman 1993. "Khadijah Serik Sikap Produser." *Berita Harian*, 14 Jun, hlm. 19.
- 4 A. Wahab Hamzah 1992. "Novel ke Filem : Hubungan Yang Mencurigakan?" *Dewan Sastera*, September, hlm. 6.
- 5 Hizairi Othman 1996. "*Diabolique : Thriller* yang Kendur." *Massa*, 11 Jun, hlm. 44-45.
- 6 Hizairi Othman 1996. "*The Scarlet Letter : Bahana Cinta Terlarang.*" *Massa*, 4 Mei, hlm. 4. Rujuk juga Hizairi Othman 1998. "Dickens Yang Terus Hidup." *Massa*, 11-17 Julai, hlm. 59.
- 7 Rujuk ruangan Ternama Terkenal 1997. "Novelis Kuasai Skrip" *Massa*, 15 November, hlm. 17.
- 8 C. Johnson, Mary 1995. *The Scripwriter's Journal*. Boston : Focal Press, hlm. 194.
- 9 Melissa Ong Ai Leng 1991/92. "Satu Analisis Tentang Lakonan Sarimah Dalam *Ibu Mertuaku dan Ranjau Sepanjang Jalan.*" Latihan Ilmiah Jabatan Penulisan, Universiti Malaya, hlm. 39.
- 10 Giddings, Robert, Selby, Keith & Wensey, Chris 1990. *Screening The Novel : The Theory and Practice of Literary Dramatisation*, London : Macmillan, hlm. 23. Pengkaji juga mengikuti sendiri beberapa diskusi dan seminar yang berkaitan dengan topik kajian.
- 11 Rujuk kertas kerja Kamarul Ariffin 1997. "Perfileman Malaysia - Cabaran '98 dan Selanjutnya" sempena Simposium Perfileman anjuran GAFIM, 24 Disember 1997, hlm. 4. Walaupun data ini statistik tahun 1991, namun situasi ini disebut oleh pembentang kertas kerja sebagai 'keadaan yang akan berterusan.'
- 12 A. Wahab Hamzah 1996. "Anda Mahu Jadi Pengarah Filem?" *Utusan Malaysia*, 10 Mei, hlm. 24.